

PM pulang hari ini

JM 3 JUL 2002
Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

Kenyataan

PUTRAJAYA 2 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bercuti 10 hari ke luar negara selepas membuat kejutan yang menyentuh perasaan rakyat untuk meletak jawatannya akan pulang ke tanah air esok.

Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dijadual tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang pada pukul 7.45 pagi.

Inilah kemunculan pertama beliau sejak membuat pengumuman mengejutkan itu pada Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun lalu, yang kemudian ditarik balik setelah menimbang rayuan pemimpin dan ahli UMNO serta pelbagai lapisan rakyat.

Sejurus tiba, Perdana Menteri dijangka menjelaskan alasan peletakan jawatannya dalam parti dan kerajaan pada sidang akhbar selama setengah jam yang diikuti dengan ucapan di hadapan lebih 10,000 orang yang menunggu ketibaannya.

Sidang media dan sambutan kepulangan beliau itu akan disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) serta stesen televisyen lain termasuk saluran RIA stesen satelit berbayar Astro.

“Adalah wajar Dr. Mahathir bercakap sendiri bagi menjelaskan keadaan sebenar (berhubung isu peletakan jawatan),” kata Setiausaha Akhbarnya, Datuk Zakaria Wahab pada taklimat media hari ini.

Sejak peristiwa di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO tidak membuat sebarang kenyataan berhubung peletakan jawatannya dalam parti dan kerajaan.

Pengumuman penarikan balik dan pelan peralihan kuasa hasil pertemuan Jawatankuasa Pengurusan UMNO dengan Perdana Menteri di Putrajaya, diumumkan oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam sidang akhbar pagi esok, Dr. Mahathir dijangka menjelaskan isu peletakan jawatannya termasuk soal pelan peralihan kuasa pada Oktober 2003.

Sementara itu, lebih 10,000 orang termasuk pemimpin dan ahli UMNO serta komponen Barisan Nasional juga wakil pertubuhan bukan kerajaan dijangka menyambut ketibaan beliau.

Kira-kira 50 artis terkemuka tanah air termasuk Siti Nurhaliza dan Dayang Nurfaizah akan turut serta pada sambutan itu malah akan menyanyikan lagu *Khalifah Kita* yang dicipta khas untuk menyatakan sokongan dan penghargaan kepada Perdana Menteri.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob memberitahu, setiap Badan Perhubungan UMNO Negeri menghantar wakil untuk menyambut kepulangan Dr. Mahathir.

Walaupun sambutan kepulangan Perdana Menteri lazim dilakukan, beliau tidak menafikan acara kali ini agak istimewa kerana jumlah yang terlibat lebih daripada biasa.

■ Lihat muka 4

PM pulang hari ini

Selepas acara sambutan di TUDM Subang, Dr. Mahathir akan kembali menjalankan tugas seperti biasa bermula dengan mengengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya.

Khamis ini, Perdana Menteri akan menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja pada sebelah pagi dan bermesyuarat pula dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri pada petangnyanya.

Jadual padat beliau sebagai Perdana Menteri diteruskan dengan mengadakan lawatan kerja sehari di Alor Setar pada Jumaat ini.

Antara program Dr. Mahathir di Kedah ialah merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemunting, Changloun.

Dr. Mahathir dan isteri kemudiannya akan berlepas ke Chiang Mai, Thailand bagi memulakan lawatan rasmi selama dua hari.

Di Chiang Mai, beliau akan menemui Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra selain melawat kawasan perindustrian Charieng, Sarapee dan Sankampaeng yang melaksanakan program satu kampung satu produk.

Dr. Mahathir dan isteri keesokannya akan berlepas ke Bangkok menaiki pesawat Kerajaan Thailand diiringi Thaksin dan Kunying Pojamarn.

Di Bangkok, Perdana Menteri dan delegasi Malaysia akan mengadakan mesyuarat dua hala selain menghadiri pelancaran Dewan Perniagaan Malaysia-Thai.

Dr. Mahathir juga dijadualkan mengadakan kunjungan ke atas Raja Bhumipol.